



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

POLISI PERUMAHAN UNIVERSITI

SUSUNAN PERATURAN

Pendahuluan

Tujuan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Polisi

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

4. Penyediaan Kediaman Staf Universiti

BAHAGIAN III

PERMOHONAN KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

5. Syarat Memohon
6. Pendaftaran dan Kuatkuasa Permohonan
7. Kelayakan Memohon (Am)

8. Pemilihan Penghuni

9. Surat Tawaran

BAHAGIAN IV

POLISI DAN SYARAT PENDUDUKAN

10. Tempoh Maksimum

11. Tanggungjawab Beralih Kepada Penghuni

BAHAGIAN V

SEWA DAN LAIN-LAIN BAYARAN

12. Sewaan Kediaman Staf Universiti dan Perabot

13. Bayaran Deposit Rumah

14. Bayaran Deposit Elektrik dan Air

15. Perkhidmatan Satelit Berbayar dan Telekomunikasi

16. Kuarters Penghulu

17. Kuarters Tunggu Sedia Universiti

18. Rumah Aktiviti, Gerakan dan Surau

19. Pengiraan Sewa

20. Sewa Rumah Bagi Penghuni Mengambil Cuti Kurang Daripada Enam Bulan

21. Sewa Rumah Penghuni Bersara

22. Sewa Rumah Penghuni Meninggal Dunia

23. Sewa Rumah Berkongsi/ Rumah Bujang

BAHAGIAN VI

TANGGUNGJAWAB PENGHUNI KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

24. Pematuhan Polisi
25. Pengubahsuaian
26. Penyenggaraan
27. Larangan Penyewaan
28. Penyalahgunaan Kediaman
29. Larangan Pemeliharaan Binatang atau Ternakan
30. Gangguan Ketenteraman Kawasan
31. Menyenggara dan Menjaga Kebersihan Kawasan
32. Larangan Mengubah, Merosak dan Menanam Tanaman atau Pokok
33. Meletak Kenderaan Persendirian
34. Sewa dan Bayaran Lain
35. Memelihara Kemudahan Peralatan atau Perabot yang Disediakan di Rumah
Universiti

BAHAGIAN VII

POLISI MENGOSONGKAN KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

36. Permohonan untuk Keluar Rumah
37. Penyerahan Rumah Kepada Universiti
38. Pemeriksaan Akhir Keluar Rumah
39. Pengosongan Rumah Untuk Penyenggaraan

TERHAD

40. Hak Jawatankuasa Mengarah Mengosongkan Kediaman Staf Universiti
41. Mengosongkan Rumah Universiti Kerana Tidak Diduduki
42. Mengosongkan Rumah Universiti Kerana Persaraan
43. Mengosongkan Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Perkhidmatan
44. Berhenti Kerja
45. Penghuni Meninggal Dunia
46. Penghuni yang Bercerai

BAHAGIAN VIII

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERUMAHAN DAN UNIVERSITI

47. Hak Memasuki dan Memeriksa Kediaman Staf Universiti
48. Menyediakan Rekod Daftar Kediaman Staf Universiti
49. Penyenggaraan

BAHAGIAN IX

AM

50. Keingkaran Mematuhi Polisi
51. Memalsukan Maklumat
52. Kehilangan Kunci Rumah
53. Menukar Rumah Atau Rakan Kongsi
54. Denda
55. Notis

TERHAD

56. Polisi-Polisi Lain

57. Hak Jawatankuasa

Jadual-Jadual:

Jadual A	Syarat-Syarat Tambahan Bagi Menduduki Kediaman Staf Universiti Desa Bakti
Jadual B	Syarat-Syarat Tambahan Bagi Menduduki Kediaman Staf Universiti Desa Skudai
Jadual C	Syarat-Syarat Tambahan Bagi Menduduki Kuarters Tunggu Sedia Universiti (Cengal / Desa Bakti)
Jadual D	Syarat-Syarat Tambahan Bagi Menduduki Kediaman Staf Universiti (Akademik)
Jadual E1	Garis Panduan Pemberian Merit untuk Permohonan Menduduki Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai)
Jadual E2	Garis Panduan Pemberian Merit dan Demerit untuk Penghuni yang Sedang Menduduki Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual F	Perjanjian Penyewaan Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual G	Borang Setuju Terima Tawaran Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual H	Borang Akuan Masuk Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual I	Borang Inventori Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti)
Jadual J	Borang Inventori Kediaman Staf Universiti (Akademik)
Jadual K	Borang Akuan Keluar Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual L	Rekod Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual M	Jadual Kadar Sewa Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual N	Jadual Kadar Bayaran Deposit Kediaman Staf Universiti (Desa Bakti / Desa Skudai / Tunggu Sedia Universiti / Akademik)
Jadual O	Jadual Jenis Kategori Kediaman Staf Universiti

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

POLISI PERUMAHAN UNIVERSITI

PENDAHULUAN

Polisi Perumahan Universiti ini dikeluarkan setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia mengikut sub perenggan 4(1)(t) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia. Walau bagaimanapun universiti masih menerima pakai peruntukan dalam Perintah Am Bab E yang mendahului polisi ini.

TUJUAN

Polisi ini bertujuan menetapkan dan menerangkan segala polisi dan peruntukan faedah serta pentadbirannya bagi penghuni dan staf yang menguruskan kediaman staf universiti.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

NAMA

1. Polisi ini dinamakan Polisi Perumahan Universiti Teknologi Malaysia.

PEMAKAIAN

2. Polisi ini hendaklah terpakai kepada semua staf universiti tetap atau kontrak atau sementara yang layak dan ditawarkan menduduki kediaman staf universiti.

TAFSIRAN

3. Dalam polisi ini-

"Cuti bergaji" bermakna, sebarang tempoh seseorang staf itu dibenarkan meninggalkan tugasnya dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

TERHAD

"Gaji" bermakna, pendapatan bulanan tetap pemohon bersama dengan suami atau isterinya;

"Jawatankuasa" bermakna, Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti atau pihak/jabatan yang mengendalikan urusan Perumahan Universiti;

"Keluarga staf " bermakna, isteri dan anak-anaknya bagi staf lelaki atau suami dan anak -anaknya bagi staf perempuan;

"Keluarga tunggal" bermakna, seseorang yang belum berkahwin termasuk duda, janda atau staf berkahwin yang tinggal bersendirian;

"Naib Canselor" bermakna, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia;

"Pegawai Perumahan" bermakna, pegawai/ staf unit yang ditugaskan bagi mengurus Perumahan Universiti;

"Perumahan Universiti / Kediaman Staf Universiti" bermakna, tempat kediaman yang disediakan oleh universiti termasuk bangunan dan plot halamannya meliputi **Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan, Rumah Khas Perkhidmatan, Rumah Sewa Universiti;**

"Penghuni" bermakna, staf universiti yang menyewa dan/atau menduduki, Perumahan Universiti;

"Rumah Sewa Universiti" bermakna, mana-mana Perumahan Universiti selain daripada Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Perkhidmatan;

"Rumah Khas Jabatan / Kuarters Tunggu Sedia Universiti" bermakna, sesebuah rumah yang didirikan khas oleh jabatan untuk kediaman seseorang stafnya yang mustahak untuk berada pada setiap masa berdekatan dengan tempat kerja (tunggu sedia);

"Rumah Khas Jawatan" bermakna, sebarang rumah yang dikhaskan untuk seseorang pemegang jawatan tertentu seperti yang ditetapkan oleh universiti dari semasa ke semasa;

TERHAD

"Rumah Khas Perkhidmatan" bermakna rumah yang diperuntukkan bagi penyandang jawatan kerana perkhidmatan mereka diperlukan untuk memastikan sesuatu kerja berjalan dengan baik;

"Kediaman Staf Akademik" bermakna rumah yang disediakan oleh universiti untuk disewakan kepada pensyarah pelawat luar negara yang berkhidmat kepada universiti bertaraf Pensyarah Kanan dan keatas;

"Staf" bermakna, staf tetap atau sementara atau kontrak Universiti Teknologi Malaysia;

"Universiti" bermakna Universiti Teknologi Malaysia.

BAHAGIAN II

KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

PENYEDIAAN PERUMAHAN UNIVERSITI

4. (1) Penyediaan kediaman untuk staf universiti bukanlah tanggungjawab universiti tetapi universiti boleh menurut budibicaranya memperuntukkan perumahan universiti kepada mana-mana staf yang layak mengikut peruntukan polisi ini.

(2) Universiti berhak menentu dan memperuntukkan jenis rumah kepada mana-mana staf yang berkecukupan.

BAHAGIAN III

PERMOHONAN KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

SYARAT MEMOHON

5. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang "Permohonan Menduduki Kediaman Staf Universiti". Borang permohonan boleh didapati dari Pejabat Am Perumahan Universiti atau dari laman sesawang www.assets.utm.my/staff-housing/
6. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan sama ada secara serahan terus atau melalui pos kepada:

**Setiausaha
Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti
Bahagian Perkhidmatan
Pejabat Harta Bina,
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai, Johor**

PENDAFTARAN DAN KUATKUASA PERMOHONAN

6. (1) Permohonan yang diterima hendaklah didaftarkan dalam senarai menunggu pemohon.
- (2) Permohonan yang dikemukakan akan terus berkuatkuasa dan diproses. Pemohon yang berjaya akan dihubungi oleh Pegawai Perumahan. Manakala permohonan yang berjaya tetapi tiada kekosongan rumah akan dimasukkan dalam senarai menunggu dan tiada sebarang pemakluman akan dibuat.

KELAYAKAN MEMOHON (AM)

7. (1) Pemohon hendaklah seorang staf tetap atau sementara atau kontrak universiti.

TERHAD

(2) Pemohon hendaklah merujuk kepada syarat-syarat asas permohonan Kediaman Staf Universiti mengikut kawasan yang ingin diduduki, dinyatakan secara jelas dalam **Jadual A** bagi Kediaman Staf Universiti Desa Bakti, **Jadual B** bagi Kediaman Staf Universiti Desa Skudai, **Jadual C** bagi Kuarters Tunggu Sedia Universiti (Cengal / Desa Bakti) dan **Jadual D** bagi Kediaman Staf Universiti Akademik.

PEMILIHAN PENGHUNI

8. Pemilihan penghuni untuk menduduki perumahan universiti dibuat oleh Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

SURAT TAWARAN

9. 1) Pemohon yang ditawarkan menduduki perumahan universiti hendaklah menyerahkan surat Setuju Terima Tawaran dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan dan menandatangani Perjanjian Penyewaan sebelum kunci rumah diserahkan.

2) Pemohon dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh menerima kunci rumah, hendaklah menduduki rumah yang diperuntukkan kecuali atas permohonan penangguhan dibuat secara bertulis kepada jawatankuasa dan dipersetujui oleh jawatankuasa.

(3) Sekiranya pemohon menolak tawaran atau belum menduduki kediaman staf universiti dalam tempoh **tiga puluh (30) hari**, maka surat tawaran tersebut terbatal dengan sendirinya. Kunci rumah hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Perumahan dengan kadar segera. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan Surat Peringatan dan denda berdasarkan kadar sebulan harga sewaan rumah yang ditawarkan (mengikut jenis rumah) akan dikenakan ke atas pemohon (potongan gaji) dan pemohon akan disenaraihitam serta tidak boleh memohon kembali rumah universiti dalam tempoh **lima (5) tahun** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.

BAHAGIAN IV

POLISI DAN SYARAT PENDUDUKAN

TEMPOH MAKSIMUM

10. Pemohon yang ditawarkan dan menerima tawaran menduduki kediaman staf universiti boleh terus menduduki rumah yang ditawarkan atau mana-mana rumah lain yang kemudian diperuntukkan kepadanya untuk suatu tempoh yang ditetapkan oleh jawatankuasa dan polisi ini seperti berikut:

- a) Tempoh maksimum menduduki perumahan universiti adalah **lima (5) tahun (3 tahun + 2 tahun)** tertakluk kepada merit yang ditetapkan.

TANGGUNGJAWAB BERALIH KEPADA PENGHUNI

11. (1) Penghuni bertanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah universiti yang diduduki.

(2) Borang Akuan Masuk Perumahan Universiti yang telah ditandatangani hendaklah diserahkan kepada Pegawai Perumahan Universiti dalam tempoh **tujuh (7) hari** setelah menduduki rumah yang diperuntukkan.

(3) Penghuni hendaklah bertanggungjawab dan menanggung segala kos bagi apa-apa kerosakan dan kehilangan terhadap kemudahan yang disediakan (kadar ditentukan oleh jawatankuasa).

BAHAGIAN V

SEWAAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

SEWAAN KEDIAMAN STAF UNIVERSITI DAN PERABOT

12. (1) Penghuni yang menduduki kediaman staf universiti dikehendaki membayar sewa rumah mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh universiti.

(2) Tertakluk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2012**, penghuni dikehendaki membayar separuh daripada Elaun Sara Hidup (COLA) yang diberikan bagi kategori Kuarters Tunggu Sedia Universiti sahaja (kadar Elaun COLA wilayah Skudai ialah RM 250.00).

(3) Universiti hanya bertanggungjawab untuk menyediakan perabot asas terhadap kediaman staf universiti berkategori profesor sahaja.

(4) Universiti tidak bertanggungjawab untuk membaiki, menggantikan atau membeli sebarang peralatan elektrik sekiranya peralatan tersebut telah disediakan sebelum ini.

(5) Universiti tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang bil utiliti (elektrik dan air) kepada semua kategori kediaman staf universiti kecuali dinyatakan di dalam Polisi ini.

BAYARAN DEPOSIT RUMAH

13. (1) Penghuni dikehendaki membayar deposit rumah mengikut kadar yang ditetapkan oleh universiti dari semasa ke semasa sebelum memasuki rumah yang ditawarkan secara tunai menerusi potongan gaji seperti di Jadual N.

(2) Deposit rumah dikembalikan kepada penghuni setelah Pegawai Perumahan berpuashati dengan keadaan rumah dan semua bil utiliti telah dijelaskan sebelum penghuni mengosongkan dan menyerahkan kunci rumah kepada Pegawai Perumahan.

*TERHAD***BAYARAN DEPOSIT ELEKTRIK DAN AIR**

14. Penghuni dikehendaki membayar deposit pada kadar yang ditetapkan oleh jawatankuasa bagi perkhidmatan elektrik dan air seperti di Jadual N.

PERKHIDMATAN SATELIT BERBAYAR DAN TELEKOMUNIKASI

15. (1) Universiti tidak bertanggungjawab menyediakan atau menanggung perkhidmatan satelit berbayar (ASTRO, UNIFI, NJOI dan lain-lain) kepada mana-mana kategori perumahan universiti kecuali Kediaman Rasmi Naib Canselor sahaja.

(2) Universiti tidak bertanggungjawab menyediakan atau menanggung perkhidmatan telefon talian tetap (TM dan lain-lain) kepada mana-mana kategori perumahan universiti kecuali dinyatakan di dalam Polisi ini.

KUARTERS PENGHULU

16. Berikut merupakan kriteria dan kemudahan yang disediakan di Kwarters Penghulu:

(a) Kriteria:

- i. Merangkumi Kediaman Staf Desa Bakti / Desa Skudai sahaja;
- ii. Dilantik oleh universiti dengan cadangan oleh penduduk; dan
- iii. Tempoh lantikan adalah selama **dua (2) tahun (maksimum 4 tahun - 2 penggal)** dan sebarang penganjurannya adalah tertakluk kepada budi bicara Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti.

(b) Kemudahan:

- i. Pengecualian sewa rumah bulanan kecuali Elaun Sara Hidup (COLA);
- ii. Universiti akan menanggung bil utiliti (elektrik) tidak melebihi RM 50 sahaja dan selebihnya akan ditanggung oleh penghuni;
- iii. Universiti akan menanggung bil utiliti (air) tidak melebihi RM 20 sahaja dan selebihnya akan ditanggung oleh penghuni; dan
- iv. Kemudahan Telefon Kelas B Universiti.

KUARTERS TUNGGU SEDIA UNIVERSITI

17. Berikut merupakan kriteria dan keistimewaan yang disediakan untuk Kwarters Tunggu Sedia Universiti:

(a) Kriteria:

- i. Dilantik oleh Ketua Jabatan secara bertulis atas kepentingan perkhidmatan;
- ii. Waktu bertugas turut meliputi luar waktu pejabat termasuk hujung minggu; dan
- iii. Meliputi semua gred jawatan tertakluk kepada kelulusan bertulis Ketua Jabatan

(b) Kemudahan:

- i. Caj sewaan rumah universiti sebanyak RM 25 sahaja (Kwarters Staf Desa Bakti dan Cengal);
- ii. Universiti akan menanggung bil utiliti (elektrik) tidak melebihi RM 50 dan bil utiliti (air) tidak melebihi RM 20 sahaja manakala selebihnya akan ditanggung oleh penghuni; dan
- iii. Kemudahan Telefon Kelas C Universiti.

RUMAH AKTIVITI, GERAKAN DAN SURAU

18. Berikut merupakan kriteria dan kemudahan yang disediakan untuk Rumah Aktiviti, Gerakan dan Surau:

(a) Kriteria:

- i. Meliputi rumah khas dan ruang niaga untuk aktiviti penduduk;
- ii. Meliputi rumah ibadat (surau); dan
- iii. Semua penghuni bertanggungjawab menjaga segala kemudahan rumah yang disediakan serta memastikan penjimatan elektrik dan air dilaksanakan dari semasa ke semasa

(b) Kemudahan:

- i. Semua penggunaan bil elektrik dan air akan ditanggung sepenuhnya oleh universiti

PENGIRAAN SEWA

19. Sewa rumah dan perabot (jika dibekalkan) hendaklah dikira pada tarikh kunci diserahkan kepada penghuni dan hendaklah dijelaskan secara potongan gaji bulanan.

Sewa akan berakhir pada hari sebenar penghuni menyerahkan kunci rumah tersebut kepada Pegawai Perumahan dan menandatangani Borang Akuan Keluar Kediaman Staf Universiti.

SEWA RUMAH BAGI PENGHUNI MENGAMBIL CUTI KURANG DARIPADA ENAM BULAN

20. Sewa rumah bagi penghuni yang mengambil cuti tanpa gaji atau cuti separuh gaji, pembayaran sewa rumah hendaklah dibuat oleh penghuni secara tunai. Pembayaran secara tunai itu hendaklah dibayar kepada Bendahari Universiti pada setiap bulan yang ditentukan oleh jawatankuasa.

SEWA RUMAH PENGHUNI BERSARA

21. Tertakluk kepada peruntukan klausa 41, penghuni yang telah bersara dan dibenarkan oleh jawatankuasa untuk terus menduduki kediaman staf universiti selama tidak lebih **tiga puluh (30) hari**, hendaklah membuat pembayaran sewa rumah secara tunai. Pembayaran secara tunai itu hendaklah dibayar kepada Bendahari Universiti pada setiap bulan yang ditentukan oleh jawatankuasa.

SEWA RUMAH PENGHUNI MENINGGAL DUNIA

22. Tertakluk kepada klausa 45, keluarga penghuni yang dibenarkan tinggal di perumahan universiti tidak lebih dari **tiga puluh (30) hari** oleh jawatankuasa hendaklah membuat pembayaran sewa rumah secara tunai. Pembayaran secara tunai itu hendaklah dibayar kepada Bendahari Universiti pada setiap bulan yang ditentukan oleh jawatankuasa.

SEWA RUMAH BERKONGSI / RUMAH BUJANG

23. (1) Staf yang berkongsi rumah bujang tidak boleh melebihi dua (2) orang dan hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti.

(2) Apabila dua orang penghuni dibenarkan berkongsi rumah sekiranya permohonan dibuat, maka mereka akan dikehendaki membayar bahagian yang sama banyak dari gandaan kadar sewa rumah yang ditetapkan termasuk caj-caj lain.

(3) Sekiranya penghuni diarahkan oleh Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti untuk berkongsi bilik, maka ia akan hanya dikehendaki membayar sebahagian yang sama banyak dengan pegawai yang berkongsi bilik dengannya itu, mengikut kadar sewa yang ditetapkan bagi bilik tersebut. Walau bagaimanapun, ketetapan ini hanya berkuatkuasa untuk sewa rumah sahaja dan tidak termasuk caj-caj lain yang dikenakan.

(4) Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti berhak untuk mengarahkan staf yang menduduki Rumah Berkongsi / Rumah Bujang berkongsi dengan seorang lagi staf lain (maksimum satu rumah dua orang) dengan notis **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh menduduki rumah tersebut pada bila-bila masa.

(5) Hanya staf Universiti Teknologi Malaysia sahaja yang dibenarkan untuk menyewa dan berkongsi Rumah Bujang.

BAHAGIAN VI**TANGGUNGJAWAB PENGHUNI KEDIAMAN STAF UNIVERSITI****PEMATUHAN POLISI**

24. (1) Setiap penghuni perumahan universiti dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam polisi ini dan lain-lain peraturan yang dikuatkuasakan oleh universiti dari semasa ke semasa.

(2) Penghuni hendaklah mematuhi peruntukan mana-mana peraturan, polisi dan Akta Universiti berhubung dengan:

TERHAD

- (a) Penggunaan dan penyenggaraan bangunan;
- (b) Kebersihan dan pencemaran kawasan sertapencegahan penyakit;
- (c) Kawasan persekitaran dan prasarana infrastruktur; dan
- (d) Pemasangan elektrik, air atau pemasangan-pemasangan lain.

PENGUBAHSUAIAN

25. (1) Penghuni **dilarang sama sekali** membuat sebarang pengubahsuaian kepada bangunan yang dihuni kecuali dengan kelulusan universiti.

(2) Penghuni dilarang membuat sebarang pemasangan tambahan, pindaan atau pertukaran seperti pendawaian elektrik, penghawa dingin, bekalan air, telefon dan kemudahan lain kecuali dengan kelulusan universiti.

PENYENGGARAAN

26. (1) Penghuni hendaklah bertanggungjawab keatas semua kerosakan kepada kemas, kelengkapan atau pemasangan dalam premis dan perabot milik universiti.

(2) Tertakluk kepada klausa 49, penghuni hendaklah melaporkan terus kerosakan kepada Pegawai Perumahan Universiti atau menerusi sistem yang disediakan pihak universiti.

(3) Kegagalan melaporkan kerosakan melalui sistem dalam tempoh **tiga (3) hari**, atau kelewatan laporan yang boleh menyebabkan kerosakan yang lebih serius, penghuni boleh dikehendaki membayar sebahagian atau semua perbelanjaan membaiki kerosakan tersebut.

LARANGAN PENYEWAAN

27. Penghuni dilarang sama sekali menyewakan rumah atau mana-mana bahagian kepada pihak lain.

PENYALAHGUNAAN KEDIAMAN

28. (1) Rumah universiti tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud seperti ruang pejabat, tempat berniaga dan sebagainya selain dari tujuan kediaman.

(2) Penghuni tidak dibenarkan mengadakan aktiviti yang bercanggah dengan peraturan atau perlembagaan universiti, mahupun polisi ini.

LARANGAN PEMELIHARAAN BINATANG ATAU TERNAKAN

29. Penghuni dilarang memelihara binatang-binatang ternakan, termasuk ayam itik, atau apa-apa binatang, reptilia atau unggas yang merbahaya, merosakkan atau memudaratkan di mana-mana bahagian rumah atau dalam kawasan perumahan universiti. Kegagalan mematuhi peraturan tersebut akan diambil tindakan amaran termasuk denda dan mengosongkan premis tersebut.

GANGGUAN KETENTERAMAN KAWASAN

30. Penghuni dilarang melakukan, menyuruh, membenar atau membiarkan sebarang aktiviti yang mengganggu suasana ketenteraman dan keselesaan penghuni lain atau menyebabkan kerosakan atau kemusnahan kepada harta benda penghuni lain dan universiti.

MENYENGGARA DAN MENJAGA KEBERSIHAN KAWASAN

31. Penghuni hendaklah menyenggara dan menjaga kebersihan keadaan di dalam dan di luar kawasan kediaman staf universiti termasuklah pintu, lampu, dinding, siling, bilik air dan tandas supaya berada dalam keadaan baik (susutan biasa dan kerosakan kerana kebakaran, ribut taufan, lain-lain bencana alam dikecualikan) serta menjaga kebersihan kaki lima dan kawasan sekitar kediaman staf universiti termasuk longkang bersama-sama dengan penghuni lain supaya berada dalam keadaan yang memuaskan dan mengikut garis panduan yang ditentukan oleh universiti.

LARANGAN MENGUBAH, MEROSAK DAN MENANAM TANAMAN ATAU POKOK

32. (1) Penghuni tidak boleh merosak, memotong atau membinasakan apa-apa pokok yang ditanam oleh universiti di kawasan kediaman staf universiti.

TERHAD

(2) Penghuni dilarang menanam apa-apa pokok atau tanaman kecuali yang ditanam di dalam pasu. Kegagalan mematuhi peraturan akan didenda tertakluk kepada keputusan jawatankuasa.

MELETAK KENDERAAN PERSENDIRIAN

33. Penghuni dikehendaki meletakkan kenderaan persendirian hanya ditempat yang telah disediakan sahaja.

SEWAAN DAN BAYARAN LAIN

34. (1) Penghuni bertanggungjawab memastikan bahawa sewaan rumah dan perabot (jika dibekalkan) dijelaskan setiap bulan.

(2) Penghuni bertanggungjawab atas segala bayaran elektrik, air dan bayaran-bayaran lain yang dicaj oleh universiti dan pihak berkuasa yang berkenaan bagi perumahan universiti.

(3) Sekiranya penghuni gagal menjelaskan sewa rumah dan perabot (jika dibekalkan) dalam tempoh yang ditetapkan, jawatankuasa berhak memberi notis mengarahkan penghuni mengosongkan kediaman universiti pada bila-bila masa.

MEMELIHARA KEMUDAHAN PERALATAN ATAU PERABOT YANG DISEDIKAN DI RUMAH UNIVERSITI

35. (1) Penghuni bertanggungjawab atas segala kemudahan peralatan atau perabot yang disediakan oleh universiti (jika dibekalkan).

(2) Sebarang kerosakan yang berlaku terhadap kemudahan atau perabot yang disediakan sebagai akibat kecuaiian penghuni akan dikenakan denda berdasarkan kadar harga belian peralatan atau perabot yang disediakan.

BAHAGIAN VII**POLISI MENGOSONGKAN RUMAH UNIVERSITI****PERMOHONAN UNTUK KELUAR RUMAH**

36. Penghuni yang akan keluar rumah atau berpindah dari perumahan universiti hendaklah mengisi dan menandatangani Borang Perakuan Keluar Rumah kepada Pegawai Perumahan **sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh penghuni bercadang mengosongkan rumah tersebut.

PENYERAHAN RUMAH KEPADA UNIVERSITI

37. (1) Penghuni hendaklah menyerahkan rumah yang diduduki bersama dengan kelengkapan termasuk perabot (jika dibekalkan) dalam keadaan asal, baik, bersih dan kemas, serta menandatangani Borang Akuan Keluar Kediaman Staf Universiti (Jadual K) untuk diserahkan kepada Pegawai Perumahan Universiti.

(2) Sekiranya Pegawai Perumahan Universiti mendapati rumah yang diserahkan tidak dalam keadaan asal, baik, bersih dan kemas, penghuni akan dikehendaki membayar kos pemulihan dan pembersihan rumah dan kos tersebut hendaklah dijelaskan oleh penghuni secara potongan gaji bulanan atau secara tunai, mana-mana yang berkenaan.

(3) Tarikh kuatkuasa penamatan rasmi menduduki kediaman staf universiti berlaku apabila penghuni melampirkan borang-borang seperti di klausa 1 dan memulangkan kunci. Kelewatan berbuat demikian akan menyebabkan pemotongan gaji akan tetap dilakukan pada tarikh tersebut meskipun penghuni telah keluar rumah lebih awal.

PEMERIKSAAN AKHIR KELUAR RUMAH

38. (1) Pegawai Perumahan Universiti hendaklah membuat pemeriksaan terhadap rumah universiti tersebut sebelum tarikh pengosongannya dalam tempoh **tujuh (7) hari** setelah menerima Borang Perakuan Keluar Rumah dari penghuni yang hendak mengosongkan rumah tersebut.

PENGOSONGAN RUMAH UNTUK PENYENGGARAAN

39. Jawatankuasa berhak mengarahkan penghuni mengosongkan rumah universiti yang diduduki untuk tujuan penyenggaraan atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan memberi notis **sembilan puluh (90) hari** tanpa menggantikannya dengan rumah lain.

HAK JAWATANKUASA MENGARAH MENGOSONGKAN KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

40. 1. Jawatankuasa boleh memberi notis bertulis sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) hari** kepada penghuni untuk mengosongkan rumah universiti jika didapati berlakunya salah guna, pelanggaran peraturan atau gagal menjelaskan sewaan.

2. Sekiranya didapati penghuni ingkar mengosongkan rumah universiti setelah diarahkan berbuat demikian, jawatankuasa boleh mengarahkan pembayaran sewa dua kali ganda dari sewa yang ia sedang membayar dikira dari tarikh ia diberi notis berpindah itu.

MENGOSONGKAN RUMAH UNIVERSITI KERANA TIDAK DIDUDUKI

41. Jawatankuasa boleh memberi notis bertulis sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) hari** kepada penghuni untuk mengosongkan rumah universiti jika rumah tersebut didapati tidak diduduki oleh penghuni selama **tiga puluh (30) hari**.

MENGOSONGKAN RUMAH UNIVERSITI KERANA PERSARAAN

42. (1) Penghuni yang akan bersara hendaklah mengosongkan rumah tersebut pada hari terakhir bekerja. Walau bagaimanapun tertakluk kepada budi bicara jawatankuasa, penghuni boleh melanjutkan tempoh menduduki rumah universiti sehingga **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh persaraan.

(2) **Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan untuk menanggung mengosongkan rumah kepada Pegawai Perumahan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh persaraan.**

*TERHAD***MENGOSONGKAN RUMAH KHAS JABATAN, RUMAH KHAS JAWATAN DAN RUMAH KHAS PERKHIDMATAN**

43. Penghuni yang menduduki Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Perkhidmatan dikehendaki mengosongkan rumah pada hari terakhir penghuni hilang kelayakan menduduki rumah tersebut, kecuali dengan kebenaran jawatankuasa, penghuni dibenarkan terus tinggal di rumah itu selama tidak melebihi **tiga puluh (30) hari** dari tarikh akhir hilang kelayakan tersebut.

BERHENTI KERJA

44. (1) Penghuni yang akan berhenti kerja atau diberhentikan kerja dengan universiti hendaklah mengosongkan kediaman staf universiti pada hari terakhir bekerja dengan universiti.

(2) Jawatankuasa boleh mempertimbangkan atas permohonan untuk melanjutkan tempoh menduduki kediaman staf universiti sehingga **tiga puluh (30) hari** dari tarikh berhenti kerja atau diberhentikan kerja.

PENGHUNI MENINGGAL DUNIA

45. (1) Ahli keluarga penghuni yang meninggal dunia hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Perumahan secara rasmi dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh kematian staf

(2) Keluarga staf hendaklah mengosongkan rumah tersebut dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh kematian staf.

(3) Sekiranya suami atau isteri staf (simati) adalah staf universiti, suami atau isteri tersebut boleh memohon untuk terus menduduki rumah tersebut untuk baki tempoh yang ada atas namanya dengan syarat rumah tersebut bertaraf rumah sewa biasa.

PENGHUNI YANG BERCERAI

46. (1) Penghuni yang bercerai hendaklah mengisytiharkan dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh menerima Surat Rasmi Bercerai dari mahkamah.

TERHAD

(2) Sekiranya penghuni mendapat hak penjagaan anak, ia boleh terus menduduki rumah tersebut sehingga tamat tempoh menduduki.

(3) Sekiranya penghuni tidak mendapat hak penjagaan anak, ia hendaklah mengosongkan rumah universiti dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh perceraian tersebut disahkan oleh mahkamah.

(4) Sekiranya suami atau isteri penghuni adalah staf universiti dan mendapat hak penjagaan anak, ia boleh memohon terus menduduki rumah tersebut untuk baki tempoh yang ada atas namanya dengan syarat rumah tersebut adalah rumah sewa biasa universiti.

BAHAGIAN VIII**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERUMAHAN DAN UNIVERSITI****HAK MEMASUKI DAN MEMERIKSA KEDIAMAN STAF UNIVERSITI**

47. (1) Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Perumahan untuk memeriksa semua kelengkapan yang terdapat di dalam kediaman universiti dari semasa ke semasa dan membaikinya sebagaimana diperlukan.

(2) Pegawai Perumahan, kontraktor dan pekerja-pekerja yang dibenarkan oleh universiti serta staf yang diberikan kuasa oleh universiti boleh memasuki, memeriksa, membaiki atau apa-apa tujuan lain dalam rumah universiti pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh universiti.

MENYEDIAKAN REKOD DAFTAR KEDIAMAN STAF UNIVERSITI

48. Pegawai Perumahan bertanggungjawab memastikan rekod daftar Kediaman Staf Universiti teratur dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

PENYENGGARAAN

49. Universiti bertanggungjawab menyenggara kediaman staf universiti dan kemudahan yang disediakan seperti berikut:

(a) Universiti hanya akan bertanggungjawab menyenggara kemudahan awam di luar rumah penghuni sahaja dan sebarang penyenggaraan melibatkan kemudahan di dalam rumah hendaklah dilaksanakan sendiri oleh penghuni kecuali melibatkan kerosakan yang pada pandangan pihak universiti adalah di bawah tanggungjawab universiti.

(b) Universiti hanya akan melaksanakan tindakan pembersihan dan semakan kemudahan kediaman staf universiti sekali sahaja sebelum dan sekali selepas penyewa memasuki rumah universiti. Walau bagaimanapun, pembersihan hanya akan dibuat kepada Kediaman Staf Akademik sahaja, manakala rumah-rumah lain hendaklah dilaksanakan sendiri oleh penghuni.

(c) Tertakluk kepada klausa (a), sebarang kerosakan yang berlaku semasa penghuni menduduki perumahan universiti hendaklah dipertanggungjawabkan sendiri kepada pihak penghuni.

(d) Universiti hanya akan menyediakan kemudahan perabot bukan elektrik untuk Kediaman Staf Akademik sahaja tertakluk kepada kelayakan jawatan (dalam konteks ini kemudahan perabot diberikan mengikut kategori kediaman felo UTM). Walau bagaimanapun, sebarang penyediaan kemudahan perkakasan elektrik tidak akan disediakan untuk semua kategori penghuni.

(e) Universiti tidak bertanggungjawab menyediakan dan memasang sebarang kemudahan penghawa dingin tambahan untuk Kediaman Staf Akademik dan hendaklah disediakan sendiri oleh penghuni dengan syarat mendapat kelulusan bertulis Pegawai Perumahan Universiti.

BAHAGIAN IX

AM

KEINGKARAN MEMATUHI POLISI

50. (1) Penghuni berkewajiban menurut dan mematuhi dengan sewajarnya polisi ini.

(2) Penghuni yang didapati melanggar mana-mana klausa dalam polisi ini, jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mengarahkan penghuni tersebut mengosongkan kediaman staf universiti dengan serta merta atau dalam suatu tempoh sebagaimana dinyatakan dalam notis.

MEMALSUKAN MAKLUMAT

51. Jawatankuasa berhak membatalkan tawaran menduduki Kediaman Staf Universiti atau mengarahkan mengosongkan Kediaman Staf Universiti dengan serta merta, sekiranya di dalam mana-mana butiran atau maklumat yang dikemukakan oleh penghuni didapati tidak benar atau palsu.

KEHILANGAN KUNCI RUMAH

52. Mana-mana penghuni yang menghilangkan kunci kediaman staf universiti boleh dikenakan denda oleh jawatankuasa sebelum kunci baharu disediakan.

MENUKAR RUMAH ATAU RAKAN KONGSI

53. Pemohon/Penghuni tidak dibenarkan memilih atau menukar unit rumah atau rakan kongsi rumah kecuali mendapat kebenaran jawatankuasa atau Pegawai Perumahan Universiti.

DENDA

54. Mana-mana penghuni yang tidak mematuhi arahan mengosongkan Kediaman Staf Universiti akan dikenakan denda dan dikehendaki terus membayar sewa rumah dan perabot (jika dibekalkan).

NOTIS

55. Melainkan yang diperuntukkan dalam polisi ini, apa-apa notis atau perhubungan yang hendak disampaikan hendaklah secara bertulis dan penyampaian notis sedemikian oleh mana-mana pihak hendaklah dianggap sah sekiranya dihantar melalui pos berdaftar atau dengan serahan tangan kepada alamat terakhir yang diketahui. Bukti pos berdaftar dan rekod serahan tangan hendaklah dianggap sebagai bukti penghantaran.

POLISI- POLISI LAIN

56. Perkara-perkara yang berkaitan dengan Polisi Perumahan Universiti yang tidak terkandung atau tidak diliputi oleh polisi ini hendaklah dirujuk kepada **Perintah Am Kerajaan Bab E** atau perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

HAK JAWATANKUASA

57. (1) Jawatankuasa berhak dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah apa-apa klausa dalam polisi ini dengan syarat setiap pembatalan atau penambahan yang telah diluluskan oleh universiti hendaklah dimaklumkan kepada penghuni dan diberi tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh kelulusan diberi oleh universiti sebelum dilaksanakan.

(2) Walau apapun juga peruntukan dalam polisi ini, jawatankuasa berhak atas budibicaranya mengecualikan pemakaian mana-mana peruntukan dalam polisi ini.

(3) Jawatankuasa mempunyai hak untuk memutuskan punca bekalan elektrik dan air, menyita rumah / mendenda dan mengalihkan barang-barang kepunyaan penghuni sekiranya penghuni tersebut enggan, gagal atau cuai mematuhi arahan jawatankuasa untuk mengosongkan perumahan universiti yang diduduki dengan kos yang terlibat bagi menyita dan mengalihkan barang-barang tersebut hendaklah ditanggung oleh penghuni sendiri.

(4) Jawatankuasa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kekurangan atau kehilangan barang-barang yang dialihkan itu.

Diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Universiti Teknologi Malaysia

pada **11 Januari 2015**.

JADUAL A

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI MENDUDUKI KEDIAMAN STAF UNIVERSITI DESA BAKTI

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI

1. (1) Pemohon hendaklah staf universiti yang berjawatan tetap, kontrak atau sementara dan telah berkhidmat dengan universiti untuk **tempoh tiga (3) tahun**. Walau bagaimanapun, permohonan yang kurang dari **tiga (3) tahun** boleh dipertimbangkan atas budi bicara jawatankuasa.

(2) Pemohon hendaklah dari Kumpulan Sokongan I atau II yang setaraf dengannya.

(3) Pemohon bersama dengan suami atau isteri hendaklah mempunyai jumlah pendapatan yang tidak melebihi gaji maksimum (RM 3,000 dan ke bawah) bagi jawatan yang setaraf dengan Kumpulan Sokongan I atau II.

(4) Pemohon hendaklah seorang yang telah berkahwin dan/atau mempunyai anak yang tinggal bersamanya.

(5) Pemohon hendaklah belum mempunyai rumah sendiri (sama ada kepunyaan suami atau isteri) dalam **lingkungan 32 km** dari tempat kerja.

KETIDAKLAYAKAN MENDUDUKI

2. (1) Pemohon yang pernah menolak tawaran menduduki kediaman staf universiti tanpa persetujuan jawatankuasa adalah tidak layak dipertimbangkan semula permohonannya.

(2) Pemohon yang telah menduduki Rumah Sewa Biasa untuk tempoh maksimum **lima (5) tahun** adalah tidak layak memohon menduduki Kediaman Staf Universiti Desa Bakti.

PEMILIHAN PENGHUNI

3. (1) Pemilihan oleh jawatankuasa hendaklah berdasarkan sistem markah (merit) dengan berkonsepkan pemohon yang mempunyai markah terbanyak boleh ditawarkan menduduki Kediaman Staf Universiti Desa Bakti yang kosong atau

TERHAD

dipertimbangkan untuk menyambung menduduki kediaman staf universiti setelah mencapai tempoh tamat. (Jadual E1 dan E2)

(2) Sekiranya terdapat lebih daripada seorang pemohon yang memperolehi markah yang sama, jawatankuasa hendaklah melihat pada lamanya tempoh perkhidmatan, kekananan dan prestasi kerja pemohon berkenaan.

TEMPOH MAKSIMUM MENDUDUKI

4. (1) Pemohon yang menerima tawaran menduduki kediaman staf universiti Desa Bakti boleh terus menduduki rumah yang ditawarkan atau mana-mana rumah lain yang kemudian diperuntukkan kepadanya untuk tempoh maksimum selama **lima (5) tahun (3 tahun + 2 tahun)** dari tarikh mula menduduki rumah yang pertama kalidiperuntukkan kepadanya.

(2) Sekiranya sebelum habis tempoh **lima (5) tahun**, penghuni telah mempunyai rumah sendiri, maka penghuni tidak layak menduduki kediaman staf universiti tersebut dan jawatankuasa boleh mengarahkan penghuni berkenaan mengosongkan rumah universiti Desa Bakti yang didudukinya itu.

(3) Ketidaklayakan penghuni di bawah subpolisi (2) di atas dikira dari tarikh pembelian rumah sendiri atau diperakui layak menduduki oleh pihak berkuasa berkenaan, mengikut mana yang berkenaan.

TEMPOH MENDUDUKI KEDIAMAN STAF UNIVERSITI SEBELUM BERKUATKUASA POLISI

5. (1) Penghuni yang menduduki kediaman staf universiti Desa Bakti sebelum berkuatkuasa polisi ini, hendaklah terus menduduki rumah tersebut untuk suatu tempoh yang tidak melebihi daripada **lima (5) tahun** dari tarikh ia berpindah masuk ke kediaman staf universiti yang pertama kali diperuntukkan kepadanya.

(2) Sekiranya tempoh menduduki kediaman staf universiti Desa Bakti telah tamat sebelum berkuatkuasa polisi ini, penghuni hendaklah mengosongkan rumah tersebut dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** selepas tarikh mula berkuatkuasa polisi ini.

PENGHUNI YANG DIBENARKAN

6. (1) Penghuni dilarang membenarkan mana-mana orang lain selain isteri/suami, anak-anak dan pembantu rumah serta tetamu-tetamu sementara tinggal tetap di kediaman staf universiti.

(2) Penghuni hendaklah mengemukakan senarai nama-nama ahli keluarga yang tinggal bersama apabila mengemukakan Borang Setuju Terima Tawaran Menduduki Kediaman Staf Universiti Desa Bakti dan memaklumkan kepada universiti jika ada sebarang perubahan mengenainya.

MENGOSONGKAN RUMAH

7. (1) Penghuni yang dipinjamkan atau ditukar sementara untuk berkhidmat ke agensi lain, hendaklah mengosongkan kediaman staf universiti Desa Bakti pada tarikh terakhir sebelum dipinjamkan atau ditukar sementara.

(2) Permohonan untuk menangguhkan tarikh mengosongkan rumah boleh dipertimbangkan untuk dilanjutkan tempoh tidak melebihi daripada **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh dipinjamkan atau ditukar sementara.

(3) Penghuni yang didapati oleh jawatankuasa mempunyai rumah dalam lingkungan **32 km** dari tempat kerja hendaklah mengosongkan kediaman staf universiti Desa Bakti tertakluk kepada keputusan / budi bicara Jawatankuasa Induk Perumahan Universiti dari semasa ke semasa.

JADUAL B**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI MENDUDUKI KEDIAMAN STAF UNIVERSITI
DESA SKUDAI****SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI**

1. (1) Pemohon hendaklah staf universiti yang berjawatan tetap, kontrak atau sementara dan telah berkhidmat dengan universiti untuk tempoh **tiga (3) tahun**. Walau bagaimanapun, permohonan daripada staf baharu universiti akan diberi keutamaan tertakluk kepada budi bicara jawatankuasa.

